

Headline **Kolej Risda tambah kursus**
Date **16. Jun 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Supplement**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **4**
Article Size **101** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Kolej Risda tambah kursus

MENYEDARI betapa pentingnya sektor pertanian pembangunan negara, Kolej Risda menyediakan peluang melanjutkan pelajaran di bidang pertanian iaitu Diploma Pertanian dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Diploma Pengurusan Ladang (UITM) dan program Pra Diploma Sains ditawarkan sebagai 'feeder' kepada program Diploma Pengurusan Ladang.

Bagi melahirkan ramai pakar pertanian, Kolej Risda membuat penambahan kursus iaitu program Diploma Pengurusan Landskap & Hortikultur yang sedang diusahakan untuk kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kelebihan Kolej Risda kerana ia satu-satunya IPTS yang menjalankan kursus pertanian di peringkat diploma setakat ini.

Prestasi kecemerlangan Kolej Risda juga terbukti dengan penganugerahan pelajar terbaik antara semua IPTS yang menjalankan program kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dalam Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia Ke-9, 30 Ogos 2007.

Kolej Risda komited untuk melahirkan graduan menggunakan pendekatan pertanian komersial.

Kampus dikelilingi pohon menghijau, kawasan ladang amali untuk aktiviti pertanian serta kemudahan lain disediakan.